

Melaka Industrial Booster (MIB)

# Rancakkan pelaburan, bantu

# 72 syarikat berkembang

"Inilah usaha kita untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti dan memastikan rakyat Melaka menikmati secara langsung hasil pembangunan di negeri ini"

Mohamad Fazrul Abdul Majid dan Liana Sahabudin

**BANDA HILIR** - Melaka Industrial Booster (MIB) yang ditubuhkan Mac tahun lalu terbukti berjaya mempermudah urusan pelabur untuk bertapak di Melaka.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh berkata, MIB juga secara tidak langsung menjadi pemudah cara untuk syarikat-syarikat yang ada di negeri ini terus berkembang memandangkan ia bertindak sebagai sebuah pusat sehenti yang menghimpunkan 29 agensi di bawah satu bumbung, sekali gus melancarkan segala prosedur dan urusan syarikat di negeri ini.

Jelas beliau, setakat ini, sebanyak 72 buah syarikat dan projek telah mendapat manfaat daripada MIB pada pelbagai peringkat pembangunan.

"MIB menjadi inisiatif yang kita sediakan menerusi Invest Melaka Berhad dalam



**AB Rauf dan kenamaan ketika menyempurnakan gimik perasmian CMIEA 2025.** Foto Muhammad Rasul Azli Samad

memastikan pelabur atau pemain industri tidak menunggu begitu lama, selain mengurangkan kerenah birokrasi.

"Alhamdulillah, 72 syarikat telah mendapat manfaat daripada MIB, di mana ia mempercepatkan proses yang ada seperti pemindahan tanah, pemilikan, memulakan kerja dan lain-

lain lagi, sekali gus menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memberi sokongan kepada pelabur," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Anugerah Kecemerlangan Industri Ketua Menteri (CMIEA) 2025 di sebuah hotel, di sini, 2 Disember lalu.

Hadir sama, Speaker

Dewan Undangan Negeri Datuk Wira Ibrahim Durum; Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Wira Azhar Arshad; Timbalan Ketua Setiausaha (Industri) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) Datuk Hanafi Sakri serta barisan Exco Kerajaan Negeri.

Yang turut hadir, Tim-

balan Exco Pelaburan, Perindustrian dan Pembangunan TVET negeri Datuk Khaidhirah Abu Zahar; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Melaka (MCORP) Datuk Mohd Yusof Abu Bakar; Ketua Pegawai Eksekutif Invest Melaka Berhad Datuk Ginie Lim Siew Lin serta ketua-ketua jabatan dan agensi.

Menurut Ab Rauf, bertitik tolak daripada inisiatif itu juga, Melaka telah mendapat pujian daripada Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar kerana berjaya mempercepatkan proses serta meningkatkan kecekapan sehingga membantu mengurangkan kos sebanyak 75 peratus.

Dalam pada itu, Ketua Menteri memaklumkan, Melaka telah menetapkan hala tuju jelas untuk menjadi sebuah hab industri bernilai tinggi dan bersedia untuk masa depan dengan memberi keutamaan kepada aspek inovasi, mencipta peluang serta

menerajui pertumbuhan ekonomi serantau.

Jelas beliau, sehingga kini, sebanyak 22 taman perindustrian telah dibangunkan yang memfokuskan kepada sektor berimpak tinggi termasuk semikonduktor, automotif, pemrosesan makanan, farmaseutikal dan aeroangkasa, selain tiga lagi taman perindustrian strategik baharu iaitu MCORP Hi-Tech Park, German Technology Park dan Elkay 2.0 Industrial Park telah diperkenalkan bagi memperluaskan ekosistem tersebut.

"Kerajaan Negeri terus komited membangunkan zon perindustrian kerana kita percaya bahawa setiap pelaburan besar akhirnya mesti memberi manfaat kepada rakyat.

"Inilah usaha kita untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti dan memastikan rakyat Melaka menikmati secara langsung hasil pembangunan di negeri ini," katanya.